

# Tabung Skim Penamatan Perkhidmatan Kementerian minta pandangan majikan

Oleh Rohaniza Idris

BH - 1 AUG 2000

PETALING JAYA, Isnin - Kementerian Sumber Manusia akan menemui Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) untuk membincangkan cadangan penubuhan tabung khas bagi membiayai pelaksanaan Skim Penamatan Perkhidmatan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn berkata, melalui perjumpaan itu majikan boleh mengemukakan cadangan balas berhubung penubuhan tabung itu.

"Dengan adanya perseutujuan majikan, kerajaan boleh melaksanakan skim berkenaan dan pekerja akan dilindungi serta mendapat pampasan sewajarnya apabila diberhenti-

kan," katanya selepas Majlis Penyampaian Mesin Haemodialisis oleh Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) kepada Pusat Haemodialisis Sau Seng Lum di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kesudian kerajaan melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan yang dicadangkan oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan untuk membantu pekerja yang diberhentikan oleh syarikat yang menghadapi masalah bagi mendapatkan

untuk RM2 juta untuk menjalankan program keselamatan dan kesihatan pekerja berikutan pertambahan jumlah kemalangan di tempat kerja sejak kebelakangan ini.

Katanya, pertambahan jumlah kemalangan itu mungkin disebabkan oleh kegiatan sektor pembi-

pampasan sewajarnya, jika dipersetujui oleh majikan yang diwakili MEE

Dr Mahathir berkata, jika majikan tidak bersetuju dengan cadangan MTUC mengenai penubuhan tabung khas yang mana setiap pekerja akan menyumbang RM1 dan RM1 lagi sumbangan majikan, MEF boleh mengemukakan cadangan sendiri.

Dr Fong berkata, penubuhan tabung itu penting untuk kebajikan pekerja kerana ia melindungi mereka terutama apabila majikan menghadapi masalah serta terpaksa menutup syarikat.

Katanya, pemberhentian pekerja dengan pam-

pasan yang tidak wajar boleh mewujudkan masalah sosial yang mengugut kesejahteraan negara.

"Kita tidak mahu kejadian yang menimpa 2,100 pekerja Applied Magnetic yang diberhentikan berikutan penutupan kilang itu berulang dan pekerja tidak mendapat pampasan yang sewajarnya.

"Sebenarnya, skim ini bukan saja membantu pekerja mendapat pampasan tetapi secara tidak langsung majikan tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan untuk bayar pampasan lagi kerana ada tabung itu," katanya.

Sementara itu, Dr Fong berkata, Perkeso memper-

naan dan perkilangan yang semakin rancak ekoran pemulihan ekonomi.

"Kita akan beri tumpuan kepada industri kecil dan sederhana yang dilihat berpotensi dan terdedah kepada kemalangan di tempat kerja," katanya.

Mengenai jumlah kema-

langan di tempat kerja, Dr Fong berkata, ada pertambahan jumlah kemalangan tetapi ia berbeza mengikut negeri.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan jumlah sebenar kemalangan yang berlaku sepanjang enam bulan pertama tahun ini.